



KENANGAN: Kamrudin (tengah) merakamkan gambar kenangan bersama kakitangan BMHRC.

BMHRC fokus kajian penyakit berjangkit tropika

UB 12.06.2021 P. 02

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Pusat Penyelidikan Perubatan dan Kesihatan Borneo (BMHRC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan memberikan fokus kajian terhadap penyakit berjangkit seperti Tuberkulosis (batuk kering), Kolera, penyakit berkaitan cirit-birit, malaria, Leptospirosis dan Japanese Encephalitis (JE).

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS Prof Dr Mohammad Saffree Jeffree berkata, pada masa yang sama pusat di bawah fakultinya itu turut membuat penyiasatan terhadap sesuatu wabak yang sedang berlaku bagi mengenalpasti punca dan cara menanganinya.

“Sejak beroperasi pada tahun 2018, BMHRC antara lain ditubuhkan untuk mem-

bantu menangani ancaman penyakit dan cabaran kesihatan awam di Sabah.

“Pusat ini menerapkan budaya penyelidikan multi-disiplin daripada aspek pemahaman dan pengembangan informasi berkenaan perawatan dan kesihatan masyarakat,” katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata, BMHRC juga mengkaji bidang perubatan tradisional bersama Zunyi Medical University, China dengan meneroka produk semula jadi bagi rawatan penyakit berjangkit.

“Untuk makluman, dalam tempoh terdekat pusat ini akan menaik taraf makmal sedia ada kepada makmal biosafety tahap 2+ (Biosafety Laboratory level 2+).

“Melalui penaiktarafan ini, ia meningkatkan keupayaan penyelidikan serta meningkatkan keupayaan

saintifik dan pengetahuan bagi menangani ancaman penyakit dan cabaran kesihatan awam,” katanya.

Sementara itu, Pengarah BMHRC Prof Dr Kamrudin Ahmed berkata, misi pusat penyelidikan ini menangani masalah kesihatan tropika melalui pendekatan transdisiplin dengan kerjasama badan-badan nasional dan antarabangsa.

“Sehingga kini, pusat penyelidikan ini mempunyai ahli tetap akademik, juruteknologi makmal perubatan, pembantu penyelidik serta ahli penyelidik bersekutu dari dalam dan luar negara dengan pelbagai bidang kepakaran.

“Selain Zunyi Medical University, penyelidikan yang dijalankan juga merangkumi kerjasama dengan Nagasaki University, Oita University, National University of Singapore, Tottori Nursing

College, Adtec Corporation, EcoHealth Alliance.

“Turut bersama dalam menjayakan penyelidikan di BMHRC ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK),” katanya.

Katanya, sejak ditubuhkan BMHRC telah berjaya menerbitkan sebanyak 33 artikel yang berimpak tinggi, menerima geran universiti dan kebangsaan bernilai RM598,000 serta geran antarabangsa bernilai RM980,000.

Sebarang maklumat lanjut untuk cadangan kerjasama strategik perkhidmatan dan penyelidikan, boleh melayari <https://www.ums.edu.my/fpsk/en/bmhrc-home>.